


● SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN

● LUQMAN HAKIM ZUBIR | BERITA HARIAN



SULTAN Abdul Halim Mu'adzam Shah menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada Prof Madya Dr Abdul Aziz Hanafi di Alor Setar semalam.



SULTAN Ahmad Shah mengurniakan Anugerah Tokoh Maal Hijrah kepada bekas Menteri Besar Pahang, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman di Kuantan, semalam.

# Sambutannya dirai penuh kesyukuran

## Ummah digesa seimbang pembangunan insan, material selaras tuntutan agama

**K**UALA LUMPUR: Maal Hijrah 1433 Hijrah yang bertepatan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah" disambut penuh kesyukuran dan kesederhanaan di seluruh negara, semalam.

Di **ALOR SETAR**, Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, bertitah mengesa umat Islam di negara ini menjadi umat yang berhemah tinggi dan bertanggungjawab dengan menyeimbang-

kan antara pembangunan insan dan material.

"Ajaran Islam lain daripada yang lain kerana sudah ditetapkan manusia sebagai hamba Allah dan mengabdikan diri kepada-Nya serta khalifah Allah di muka bumi," titah baginda sempena sambutan Maal Hijrah di Dewan Seri Mentaloon di sini.

Di **KUANTAN**, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah bertitah mengesa rakyat supaya tidak menyen-

tuh isu sensitif berkaitan agama serta bangsa lain demi kemakmuran negara serta isu itu tidak sewajarnya dibincangkan secara terbuka.

"Suka saya ingatkan bahawa dalam masyarakat majmuk yang berbilang bangsa, agama dan budaya pasti akan wujud isu sensitif yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat, justeru ia perlu ditangani dengan penuh persefaha-

man dan berhemah, malah tidak sepatutnya dibicara secara terbuka," titahnya di Auditorium Darul Makmur, Kompleks Penyiaran Sultan Ahmad Shah.

Di **KLUANG**, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman mengajak umat Islam supaya menekankan semangat perpaduan yang dilihat mula tergugat.

"Tidak kira golongan mana sekalipun, sama ada pemimpin po-

litik, ulama, para ilmuan, pendidik, kakitangan kerajaan dan orang Melayu keseluruhannya, haruslah bersatu dalam pemikiran dan hala tuju untuk sama-sama membela Islam serta ummahnya," katanya di sini.

Di **SHAH ALAM**, pendakwah, Datuk Ismail Kamus dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1433H Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.